

Kuala Besut jadi gerbang pelancongan

» Kerajaan negeri sedia dana naik taraf jeti, muara sungai buka peluang ekonomi rakyat

Oleh Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my

► Jertih


Kuala Besut yang terkenal sebagai perkampungan nelayan akan berubah wajah dalam tempoh tiga tahun akan datang apabila lokasi itu bakal menjadi gerbang pelancongan bertaraf antarabangsa.

Bagi merealisasikan ini, kerja awal termasuk mendalamkan muara sungai Kuala Besut yang menjadi pintu masuk utama pelancong ke Pulau Perhentian dan pembinaan benteng pemecah ombak akan dilaksanakan.

Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM34.5 juta untuk melakukan kerja pengukuran tanah dan pengambilan balik tanah untuk melaksanakan projek itu.

Kerja mendalam dan membina benteng pemecah ombak di muara Sungai Besut kini pada peringkat akhir penelitian selepas perunding selesai menyiapkan kajian akhir termasuk reka bentuk.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman, berkata apabila pembinaan benteng pemecah om-



BH
6/7/2015
m/s 12

Kawasan jeti akan dinaik taraf bagi menjadikan Kuala Besut gerbang pelancongan bertaraf antarabangsa.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]



bak siap, kerajaan negeri merancang untuk menaik taraf kawasan jeti untuk menjadikan Kuala Besut sebagai gerbang pelancongan bertaraf antarabangsa.

Buka peluang ekonomi

Katanya, Rancangan Kawasan Khas (RKK) akan diambil kira dalam perancangan untuk penambahbaikan infrastruktur, sekaligus membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk seperti dihasratkan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Ab-

dul Rahman untuk menjadikan lokasi itu hab pelancongan terunggul.

“Kerajaan negeri sedang meneliti kajian dan juga perancangan yang dibuat untuk memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan selaras dengan perkembangan dan juga keperluan pada masa kini dan akan datang.

“Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk memberi peruntukan RM250 juta bagi pemuliharaan muara Sungai Besut dan kita sedang menunggu hasil kajian oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),” katanya.

Pekan Kuala Besut yang sebelum ini dikenali sebagai pekan nelayan, kini semakin dikenali sebagai pintu masuk utama pelancong ke Pulau Perhentian yang dianggap sebagai pulau ke-13 terindah di dunia.

Sejak dimajukan sebagai pulau tarikan pelancong pada awal 1990-an, Pulau Perhentian semakin dikenali pelancong asing terutama dari Perancis, Jerman

dan United Kingdom (UK), selain menjadi tumpuan pelancong dari China dengan anggaran jumlah kedatangan pelancong sekitar 200,000 orang setahun.

Destinasi percutian

Tengku Zaihan yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Kuala Besut, berkata seramai 138,118 pelancong terutama dari luar negara memilih Pulau Perhentian sebagai destinasi percutian pada tahun 2013 dan meningkat kepada 159,481 pada tahun lalu.

Katanya, kepesatan industri pelancongan di Kuala Besut banyak memberi manfaat kepada pengusaha industri termasuk penduduk tempatan yang terbabit dalam perkhidmatan resort dan chalet bajet serta sewaan bot dari jeti Kuala Besut ke Pulau Perhentian Besar dan Perhentian Kecil.

“Sektor pelancongan menjadi antara penjana ekonomi utama di Kuala Besut dan jika boleh kita mahu cairkan lagi keuntungan ini agar turut memberi manfaat ke-

“Kerajaan negeri sedang meneliti kajian dan juga perancangan yang dibuat untuk memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan selaras dengan perkembangan dan juga keperluan pada masa kini dan akan datang”

Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman,

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Terengganu

pada pihak lain seperti penjual barangan kraf, kedai makanan, pemandu teksi.

“Projek penyediaan pelbagai kemudahan untuk menjadikan Kuala Besut sebagai gerbang pelancongan bertaraf antarabangsa memberi banyak peluang pekerjaan kepada anak tempatan, sama ada dari Kuala Besut atau Pulau Perhentian Kecil dan Perhentian Besar,” katanya.

Tengku Zaihan berkata, projek itu bukan sahaja akan memberi manfaat kepada nelayan dan pengusaha industri pelancongan di Kuala Besut, malah mampu menjadikan perkampungan nelayan itu kawasan pertumbuhan baharu ekonomi di Pantai Timur.

“Impak projek pembangunan yang akan dilaksanakan itu bukan sahaja memberi faedah kepada nelayan keluar masuk untuk mendaratkan ikan, tetapi menjadikan Kuala Besut sebagai pusat pelancongan moden yang akan menjana pelbagai peluang perniagaan, perkhidmatan dan pekerjaan baharu,” katanya.